

15 APR 1997

KERAJAAN NEGERI BELUM TERIMA WRIT RASPAND, KATA PEGUAM NEGERI

KOTA KINABALU, 15 April (Bernama) -- Peguam Besar negeri Sabah Datuk Stephen Foo hari ini berkata kerajaan negeri belum lagi menerima writ sama Syarikat Raspand terhadap kerajaan kerana didakwa menahan secara salah 3,056 kayu balak kepunyaannya di Tawau baru-baru ini.

"Setakat ini kami belum menerima writ itu. Apabila kami menerimanya, kami akan menfailkan pembelaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sidang video seluruh negara bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Syarikat Raspand pada 8 April telah menfailkan saman di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu di sini menuntut kerugian RM113,905,016 kerana penahanan salah kayu balak yang dirampas oleh Jabatan Perhutanan negeri pada 18 Jan tahun ini.

Kayu-kayu balak itu ditahan kerana syarikat itu disyaki cuba mengelak daripada pembayaran royalti kepada kerajaan negeri tetapi Mahkamah Majistret Tawau pada 31 Mac memerintahkan kayu-kayu balak itu dipulangkan kepada syarikat berkenaan setelah diberitahu oleh peguam kanan persekutuan Nurchaya Arshad bahawa tiada kesalahan dilakukan berhubung kayu-kayu balak itu.

Raspand kemudian menfailkan saman dengan mendakwa ia mengalami kerugian besar dan kesemua 3,056 kayu balak itu telah banyak yang rosak dan tidak diterima oleh para pembeli. -- BERNAMA

KG RON